

# Masyarakat Pribumi: Cabaran Masyarakat Orang Asli Peta dalam Mencapai Pembangunan Mampan di Taman Negara Endau-Rompin, Mersing, Johor

*Indigenous Communities: The Challenges of Peta Indigenous  
Communities in Achieving Sustainable Development in  
Endau-Rompin National Park, Mersing, Johor*

*Wan Suzita Wan Ibrahim\**

## Abstrak

Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan negara yang melibatkan banyak agensi kerajaan dan pihak swasta termasuk di kawasan perkampungan Orang Asli terutama, dalam mencapai matlamat 17 pembangunan mampan yang telah disarankan oleh pihak kerajaan sejak 2015. Namun begitu, penglibatan dan perubahan pembangunan di kawasan Orang Asli masih ketinggalan hingga kini dan wajar dipertimbangkan agar tidak mengganggu sosiobudaya asal mereka. Justeru, kajian ini telah dilakukan di perkampungan Orang Asli Peta (Taman Negara Endau-Rompin), Mersing, Johor untuk mengkaji cabaran masyarakat Orang Asli Peta, dalam mencapai pembangunan mampan. Metodologi, yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif iaitu temu bual secara mendalam (*in-depth*). Manakala, teknik pengumpulan data di lapangan adalah perbincangan kumpulan berfokus (*Focus Group Discussion*) bersama Tok Batin dan 25 orang wakil penduduk kampung dari suku kaum Jakun. Mereka terdiri daripada golongan yang berpengalaman dan telah lama tinggal di kawasan tersebut. Manakala, analisis kualitatif dijalankan menerusi dokumen kerajaan dan analisis situasi (*situational analysis*). Kajian mendapati, cabaran dalam mencapai pembangunan mampan dalam kalangan masyarakat Orang Asli sukar dicapai. Implikasi perubahan yang dibawa oleh pihak kerajaan menunjukkan masyarakat tersebut menjadi semakin kompleks

---

\* Wan Suzita Binti Wan Ibrahim ialah Pegawai Penyelidik, Sekteriat Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia-Promosi Matlamat Pembangunan Lestari.

kerana kekurangan dalam aspek pembangunan kemudahan sosial, isu peluang pekerjaan, konflik budaya asal serta ekosistem, keperluan melindungi hak Orang Asli, kelemahan pentadbiran JAKOA dan bencana alam. Justeru itu, pembangunan sosial yang sedia ada di kawasan perkampungan Orang Asli harus dipertingkatkan agar dapat disesuaikan tanpa merosakan identiti masyarakat Orang Asli dalam melaksanakan pembangunan terancang oleh pihak kerajaan.

**Kata kunci:** Pemegang Taruh, Orang Asli, Sosiobudaya dan Pembangunan Mampan

### **Abstract**

*The government has implemented various national development projects involving various agencies and the private sector, including in Orang Asli village areas, especially in achieving the 17 sustainable development goals that have been recommended by the government since 2015. However, the involvement and development changes in the Orang Asli areas are still being left behind and they should be considered so as not to disturb their original socio-culture. Therefore, this study was conducted in the Orang Asli Peta village (Endau Rompin National Park), Mersing, Johor to examine the challenges of the Orang Asli Peta community, in achieving sustainable development. The methodology used in this study is qualitative, which is an in-depth interview. Meanwhile, the data collection technique in the field is a group discussion (FGD) with Tok Batin and 25 village representatives from the Jakun tribe. They are experienced and have lived in the area for a long time. Meanwhile, the analysis is carried out through government documents and situational analysis. The study found that the challenge of achieving sustainable development among the Orang Asli community is difficult to overcome. The implications of the changes brought by the government show that the community has become increasingly complex due to the lack of development aspects of social facilities, culture, job opportunities, native culture, and ecosystem conflict, the need to protect the rights of the Orang Asli, weaknesses in JAKOA's administration and natural disasters. Therefore, the existing social development in the Orang Asli village area should be improved so that it can be adapted without damaging the identity of the Orang Asli community in the implementation of planned development by the government.*

**Keywords:** Stakeholders, Orang Asli, Socio-cultural and Sustainable Development

## Pengenalan

Seiring dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan dunia, Malaysia juga tidak terlepas daripada mengalami proses modenisasi komuniti termasuk dalam membangunkan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat orang asli. Cabaran terhadap pembangunan negara telah mula diketengahkan semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-10)<sup>1</sup> dengan strategik pembangunan ke arah meningkatkan pembangunan seimbang di antara fizikal dengan sosioekonomi negara termasuk masyarakat Orang Asli. Namun begitu, golongan ini hanya mula mendapat perhatian khusus menerusi Rancangan Malaysia Keempat (RMKe-4)<sup>2</sup> yang dilancarkan pada tahun 1981 menerusi pelbagai program, antaranya Program Pengumpulan Semula (RPS), Pengambilan Balik Tanah dan Kerja Ukur dan Penyusunan Semula Kampung (PSK) (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). Mereka berhak untuk mendapat pembaharuan dan pemodenan seperti masyarakat yang lain kerana mereka ialah peribumi yang terawal menetap di Malaysia (Nicholas, 2000)

Namun begitu, masyarakat Orang Asli masih ketinggalan berbanding masyarakat Malaysia yang lain. Pencerobohan tanpa kawalan ke atas kawasan yang didiami oleh masyarakat peribumi seringkali membawa kepada kemerosotan hidup masyarakat tersebut sedangkan mereka mempunyai akta 134 yang berfungsi menjaga kepentingan hak Orang Asli (Salleh, 1995; World Commission on Dam, 2000; Johansen, 2003; Green & Raygorodetsky, 2010; Aiken & Leigh, 2011; Feiring, 2013). Malah, masyarakat Orang Asli yang ditempatkan semula seringkali berhadapan dengan pelbagai cabaran arus pembangunan antaranya isu kehilangan hak ke atas tanah adat yang menjadi punca kepada kemerosotan sosioekonomi dan budaya asal mereka (Hess & Fenrich, 2017; Cooke 2017; Walker & Simmons, 2018). Contohnya apa yang berlaku ke atas puak Munduruku di Brazil (Hess & Fenrich, 2017; Gebara, 2018; Walker

- 
- 1 Rancangan Malaysia ke 10, 2011-2015 (RMKe-10) Kementerian Ekonomi Malaysia; Bab 3-Memperkukuhkan Inklusiviti ke arah Masyarakat Saksama 1-37, accessed 28 Oct 2024, <https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/Bab%203.pdf>.
  - 2 Rancangan Malaysia ke 4, 1982-1985 (RMK3-4); Kementerian Ekonomi Malaysia; Bab Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli 193-392, accessed 28 Oct 2024, <https://www.ekonomi.gov.my/ms/pembangunanekonomi/rancanganpembangunan/rmk/rancangan-malaysia-keempat-rmke-4-1981-1985>.

& Simmons, 2018), etnik Brou di Laos (Manorom, Baird, & Shoemaker, 2018), komuniti Embera-Katio di Colombia (Egre & Senecal, 2003) dan Kenyah di Borneo (Abdullah, 2009).

Walaupun Akta 134 (Akta Orang Asli 1954) yang diisytiharkan bertujuan untuk melindungi hak orang asli, selepas hampir 60 tahun berkuat kuasa, pencerobohan hak orang asli masih berterusan (Mat Nor, 1996). Akta ini dilihat memberikan kawalan yang luas kepada pentadbir negeri yang boleh mengganggu kehidupan dan hak orang asli, walaupun akta ini seolah-olah menjaga hak orang asli sebagai orang yang dilindungi. Ramai yang mendakwa bahawa akta ini menjadi alat yang membataskan hak autonomi orang asli. Akta ini seakan-akan menempatkan komuniti ini dalam kedudukan yang lemah sedangkan kehidupan mereka perlu seiring dengan komuniti yang lain (Izzati Wook, 2015).<sup>3</sup> Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran masyarakat Orang Asli Peta dalam mencapai pembangunan mampan di perkampungan Orang Asli Peta, Taman Negara Endau - Rompin, Mersing, Johor.

## Tinjauan Literatur

Orang asli didefinisikan di bawah Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 160(2) sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu adalah “mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik orang asli, yang bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan termasuk seorang keturunan’ (Akta Orang Asli 134, 1954; seksyen 3(a)<sup>4</sup> (Siti Nor, 2006). Pada persepsi masyarakat umum kini, mereka dikatakan masyarakat Sakai yang tinggal di dalam hutan dan masih lagi meneruskan gaya hidup primitif. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai agama yang khusus dan tiada peraturan hidup serta dianggap sebagai bodoh, tidak mahu menerima kemajuan, malah ada yang mengatakan bahawa masyarakat ini hidup liar dan ganas (Siti Nor, 2006). Kebanyakan mereka berkerja sendiri dan tumpuan aktiviti ekonomi utama mereka adalah pertanian mencari sumber hutan rotan, manakala kerja sampingan mendulang

---

3 Izawati Wook, *Acknowledging Land Rights Of The Orang Asli: A Historical Perspective Of Laws In Peninsular Malaysia* (2017) *Iium Law Journal* 93-120

4 Subseksyen 3(2) Akta 134; Seksyen 3 (a); Perkara 160 (2); *Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968*, accessed 29 Oktober 2023, [https://www.forestry.gov.my/images/stories/pdf/Akta/Akta Orang20 Asli.pdf](https://www.forestry.gov.my/images/stories/pdf/Akta/Akta%20Orang%20Asli.pdf).

emas, menoreh getah dan menyempit (Mohd Nur Syufaat & Seow Ta Wee, 2015)<sup>5</sup>


Di Malaysia, mereka merupakan kaum minoriti Semenanjung Malaysia dan mempunyai tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Rujuk Rajah 1). Pembahagian ini dibuat berdasarkan kepada perbezaan yang terdapat pada mereka dari segi ciri-ciri fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan (Mat Nor, 1996). Setiap tiga suku kaum tersebut terdapat enam etnik suku kaum seperti Temuan, Semai, Jakun, Semelai, Lanoh, Kintak, Jahut dan sebagainya (Colin 2000). Berdasarkan jumlah keseluruhan penduduk, 70 peratus terdiri daripada suku Jahai dan 30 peratus adalah dari suku Temiar (Nota Taklimat, 1999). Manakala, jumlah penduduk Orang Asli adalah seramai 31,660,700 orang (2017) sehingga Disember 2022 ialah 178,179 orang (Jabatan kemajuan Orang Asli, Malaysia 2022).<sup>6</sup>

Perancangan pembangunan yang dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh, pada tahun 1996-2000 bertujuan untuk merealisasikan pembangunan strategik yang menyeluruh kepada masyarakat, termasuk golongan Orang Asli. Justeru, program pembangunan yang dilaksanakan diharap memberi kesan menyeluruh kepada masyarakat sehingga membentuk satu transformasi sosial dan budaya yang memberi tumpuan terhadap keupayaan sesebuah masyarakat. Oleh hal yang demikian, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa terdapat beberapa bahagian dalam komuniti Orang Asli yang telah mengubah cara hidup, budaya, anutan agama dan pendidikan, hasil daripada langkah-langkah pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Walaupun mereka tidak lagi mengamalkan cara hidup tradisional, kumpulan etnik Orang Asli yang asal atau 1 Subseksyen 3(2) Akta 134 tradisional, namun warisan mereka tidak pernah terputus atau berakhir. Mereka hanya membuat pengubahsuaian cara hidup dalam arus pembangunan negara (Zurina Mohd Haslamizan, 2013). Namun begitu, pembangunan dari segi fizikal dan sosioekonomi dan budaya masih ketinggalan berbanding dengan masyarakat yang lain kerana penglibatan mereka dalam memberi padangan dan pendapat tidak dipertimbangkan oleh sesetengah pihak (Mohd Nur Syufaat & Seow Ta Wee 2015).

5 Mohd Nur Syufaat Bin Jamiran & Seow Ta Wee, "Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Di Malaysia" (2015) Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar 755-761, accessed 28 April 2024, <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/394018>.

6 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jabatan Kemajuan Orang Asli (2023) < <https://www.forestry.gov.my/images/stories/pdf/Akta/Akta%20Orang%20Asli.pdf>> accessed 29 Oktober 2023.

## Rajah 1: Taburan Masyarakat Orang Asli di Semanjung Malaysia



Sumber: Jabatan kemajuan Orang Asli, Malaysia 2019

Oleh itu, tidak hairanlah jika terdapat isu masyarakat Orang Asli kurang diberi peluang untuk bersuara kerana mereka adalah pihak yang akan menerima perubahan secara langsung khususnya di Perkampungan Orang Asli, Peta, Taman Endau- Rompin (Hamimah, 2011)

Menurut kajian, Suraya Sinlang (2013) cabaran masyarakat Orang Asli adalah menyesuaikan diri akibat daripada pembangunan terancang yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Implikasi perubahan yang dibawa oleh pihak kerajaan menunjukkan masyarakat Orang Asli menjadi semakin kompleks kerana faktor-faktor seperti budaya, adaptasi kepada ekosistem, dan kesan kemasukan budaya asing yang menyumbang dalam pelbagai bentuk contoh perkahwinan campur antara kaum Cina dan Orang Asli (Ramlee Abdullah 2014). Senario ini turut berlaku di negara Barat yang mempunyai komuniti pribumi contohnya masyarakat pribumi mengalami diskriminasi di Australia (Hunter, 2005) dan budaya asal pribumi yang masih dikekalkan di Kanada walaupun pembangunan fizikal dan perubahan sosial telah mengalami berlaku (C. Lorenzo, 2013).

Keadaan yang sama turut berlaku di Malaysia, walaupun banyak pembangunan telah dilaksanakan. Namun pihak kerajaan masih lagi menghadapi cabaran dalam memenuhi pembangunan terhadap komuniti secara menyeluruh terutama masyarakat Orang Asli yang sukar untuk menerima perubahan kerana mereka kurang terlibat dalam perancangan pembangunan di kawasan mereka (A. G. Gomes, 2004;

C. Nicholas, 2000).<sup>7</sup> Oleh itu, keadaan tersebut tidak banyak dilakukan sehingga kini termasuk di Perkampungan Orang Asli Peta di Taman Endau Rompin, Mersing.

## Metodologi dan kawasan kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif menerusi analisis situasi (*transcribe* Orang Asli) dan analisis kandungan dokumen kerajaan berdasarkan profil perkampungan (JAKOA 2022). Manakala, teknik kajian adalah menerusi pemerhatian dan temu bual secara mendalam (*in-depth*) bersama komuniti Orang Asli suku kaum Jakun di Perkampungan Orang Asli, Peta, (Taman Negara Endau-Rompin), Mersing, Johor. Tujuan teknik ini digunakan untuk mendapat maklumat lebih terperinci tentang komuniti tersebut berdasarkan pengalaman, berpengetahuan, reaksi dan idea pemikiran daripada responden secara eksplisit dan berterusan (Z. Emby, M. Redzuan, G. Basri, & A. H. Hamid, 1996).<sup>8</sup> Responden terdiri daripada komuniti asal Orang Asli, Tok Batin dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kampung tersebut.

Pemilihan responden terdiri daripada golongan yang mempunyai pengalaman hidup, sosiobudaya di penempatan tersebut (Newman et al., 2006). Kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus (*Focus Group Discussion*) yang berumur 35-65 tahun ke atas. Teknik ini bersifat fleksibel dan membolehkan pengkaji menghuraikan perkara yang difikirkan oleh responden (Merriem 1998).

## Analisis kajian

Hasil kajian mendapati, beberapa perkara dibincangkan untuk mengkaji cabaran masyarakat Orang Asli Jahai, di perkampungan Orang Asli Peta, Taman Negara Endau - Rompin, Mersing, Johor, antaranya kekurangan dalam aspek pembangunan kemudahan sosial, budaya, perbezaan ekosistem, isu peluang pekerjaan, keperluan melindungi hak Orang Asli, kelemahan pentadbiran JAKOA dan pengaruh luar.

7 C. Nicholas, The orang Asli and the contest for resources indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia (Copenhagen, International Work Group for Indigenous Affairs 2000) [https://www.iwgia.org/image/publication/0133\\_95\\_The Orang Asli and the contest for resources.pdf](https://www.iwgia.org/image/publication/0133_95_The%20Orang%20Asli%20and%20the%20contest%20for%20resources.pdf) accessed 28 April 2024.

8 Z. Emby, M. Redzuan, G. Basri, & A. H. Hamid, Rancangan Pengumpulan Semula: Kesannya ke atas masyarakat dan budaya Orang Asli di Perak Selangor, Malaysia (Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1996) 121.

## **Profil perkampungan**

Kampung Peta merupakan perkampungan orang asli yang terdiri daripada kaum Jakun dan terletak paling hujung serta hampir dengan pintu masuk sebelah timur Taman Negara Endau-Rompin. Perkampungan Orang Asli Peta, mempunyai jumlah penduduk sebanyak 306 orang dengan 53.9 % adalah lelaki dan 46.1% ialah perempuan (Data Demografi, Jabatan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 2023).<sup>9</sup> Manakala, laluan masuk ke kampung dengan melalui jalan darat kira-kira 56 kilometer dari simpang jalan Kahang-Mersing.

Sebahagian daripadanya adalah laluan ladang yang berbatu dan berdebu serta hutan yang mencabar. Selain daripada laluan darat, penggunaan sungai juga dijadikan pengangkutan utama sehingga ke Kuala Endau. Budaya lama orang Asli lebih bercorakkan sistem hidup berpindah randah khususnya bagi mencari tanah yang lebih subur atau meninggalkan tempat lama yang dianggap tidak sesuai untuk didiami. Terdapat beberapa sebab kenapa sesuatu tempat yang didiami ditinggalkan termasuklah disebabkan oleh bencana alam, penyakit atau kepercayaan masyarakat bahawa tempat tersebut mempunyai sial dan bala. Hutan Endau-Rompin yang begitu luas menjadikan daerah orang asli berpindah randah juga amat luas dan banyak. Kampung Peta merupakan kawasan keempat penempatan kekal yang dihuni oleh penduduk kampung hingga kini.

Kedudukan kampung pada lokasi pintu masuk Taman Negara menggambarkan kepentingannya sebagai benteng terakhir kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Taman Negara Endau-Rompin. Kampung ini juga berpotensi menjadi daya tarikan pelengkap kepada Taman Negara Endau-Rompin khususnya jika dibangunkan dengan satu model kampung ekopelancongan yang lengkap. Pertambahan penduduk bertambah setelah Taman Negara Endau-Rompin ditubuhkan pada tahun 2012.

Sumber ekonomi utama ialah aktiviti sara diri, mencari sumber hutan dan aktiviti ekopelancongan yang menawarkan produk alam semulajadi dan cara hidup masyarakat kepada para pelancong. Walau bagaimanapun konflik ini, bermula pada 17 Januari 2012 hingga kini oleh Pentadbir Tanah Daerah Mersing bagi pihak Perbadanan Taman Negara


---

<sup>9</sup> Data Demografi, Jabatan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2023, accessed 29 Oktober 2023, <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/taburan-etnik-orang-asli-mengikut-etnik-sub-etnik-mengikut-negeri/>; <https://www.jakoa.gov.my/umum/data-terbuka-sektor-awam/>.



Johor mengeluarkan notis arahan kepada penduduk kampung untuk mengosongkan tempat tersebut namun gagal (Zainal Abidin 2006).<sup>10</sup> Konflik dan masalah yang timbul berkaitan hak Orang Asli menjadi antara salah satu isu yang tidak berkesudahan dan sering digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka.

## Rajah 2: Kedudukan perkampungan Orang Asli, Peta Taman Endau – Rompin



Sumber: Perbadanan Taman Negara Johor 2019

### Pembangunan kemudahan sosial

Dalam pembangunan kemudahan masih terdapat kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, keperluan sistem perkhidmatan klinik, bekalan air bersih dan dewan masyarakat Orang Asli. Keadaan ini berlaku kerana kedudukan perkampungan ini yang agak jauh di kawasan pedalaman yang dinyatakan seperti berikut:

..... Balik dari balai kami semua jalan kaki. Tu yang kita minta masuk. Kalau jadi apa-apa hal senang. Selenggara bangunan, kita kalau boleh nak guna bangunan tu. Bila lawatan je kat sini. Kipas tak ada.....(FGD... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2023

.... Banyaklah isu, ni dah lebih 10 tahun bangkit untuk baik pulih dewan ni, ni NGO bagi tau. Kenapa kerajaan tak nak ambil alih, repair saja pun tak ada duit....(FGD...Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2023)

<sup>10</sup> Zainal Abidin, Impak Pewartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor (Bangi. Penerbit UKM, 2006), <http://ir.upm.edu.my/find/Record/b13966339>, accessed 29 Oktober 2023.

....Polis, balai polis ada, tapi dia tak ada boat. Kat balai polis tu kita boleh report barang apa rosak ke, senang, contact dengan diorang. Dia ada balai, tapi tak boleh buat report, sedangkan balai report. Kita jauh Tuan. Tahun ni lah, bila banjir, jalan putus semua. Balik dari balai kami jalan kaki....(FGD...Perkampungan Orang Asli,Peta, 16 April 2023)

### **Isu peluang pekerjaan**

Sukar mendapat peluang pekerjaan adalah antara isu dalam kalangan masyarakat Orang Asli, walaupun mereka mempunyai anak-anak yang berkelulusan tinggi di peringkat ijazah, diploma, mahupun sijil kemahiran. Ada juga antara mereka yang tidak menjual hasil hutan untuk dijadikan sumber pendapatan seperti yang dinyatakan:

.... Ramai (belia), cuma masalah dia tak ada peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan tu terhad lah ..... (FGD ... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2023)

... Bagi pelepasan ekonomi pada orang kampung ni. Isu bekerja dalam taman negara tu, ada lebih kurang 8 kerja sambilan harian, masih lagi basic gaji RM731. Sambilan. Kalau tak menepati 23 hari, tak sampai seribu. Pendapatan lebih kurang 900 lebih...(FGD... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2023)

.... Ramai sumber pendapatan diorang ada kraft tangan, ada buat ubat-ubat traditional, ada jugak hasil madu kelulut. Ada kraft tangan ni macam, dia tak cukup lah nak jual pada orang luar ..... (FGD ... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2023)

### **Konflik budaya asal dan ekosistem**

Disebabkan kawasan mereka berada di dalam kawasan Taman Negara, banyak aktiviti ekonomi asal mereka tidak boleh dijalankan kerana dihalang dan dikenakan peraturan oleh pihak Taman Negara atas faktor untuk menjaga keunikan dan keindahan alam sekitar. Namun bagi mereka, adalah terlalu berat untuk menerima peraturan tersebut kerana hutan adalah punca kehidupan mereka malah tanah adat yang diwarisi sejak lapan generasi seperti yang dinyatakan iaitu:

.... Senang cakap orang asli ni tak boleh masuk kawasan Taman Negara. Sebab sekarang ni kita orang betul-betul fokus kepada ekosistem macam dalam kawasanya tanah adat. Kalau tanah adat pun dalam kawasan taman negara. Kalau dapat kita nak minta Taman Negara ni bagi kelonggaran lah...(FGD... Perkampungan Orang Asli,Peta, 16hb April 2023)

## **Keperluan melindungi hak Orang Asli**

Isu tanah masih berterusan hingga kini kerana mereka masih belum memiliki tanah secara sah dan sering mendapat perhatian daripada pihak NGO dan bantuan JAKOA. Namun masih belum mendapat maklum balas daripada pihak kerajaan dan Jabatan keamjuan Orang Asli (JAKOA) berhubung perkara ini dinyatakan seperti di bawah:

*....Tanah sekarang macam menang kalah sama, menang-menang sama. Dia tak da macam kata putus dua pihak melibatkan pihak negeri Johor. Bila sampai pada kerajaan negeri, dia guna kuasa kerajaan negeri. Tu yang jadi menang-menang. kalah tak kalah. Contohnya, orang kampung nak buat apa-apa, kene tanya jugak dengan tok dia semua, kalau semua setuju, setuju, kalau tak setuju, tak buat lah...( FGD... Perkampungan Orang Asli,Peta, 16b April 2023)*

*.... Kita orang tak ada hak sebenarnya, kerajaan bagi pun, jadi tu yang kita keliru. Sedangkan orang asli ni orang asal Malaysia. Kita lawan susah, tak lawan susah. Nak lawan pulak kita nak pergi ke mahkamah,...( FGD... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2023)*

## **Kelemahan pentadbiran JAKOA**

Tidak ada sebarang bentuk keadilan yang mereka peroleh yang sama dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Justeru, adalah disarankan agar masyarakat setempat khususnya Orang Asli wajar diberi peluang dan ruang untuk meningkatkan keupayaan hidup yang lebih baik

*.... Saya tanya pegawai tu, macam mana kat Pahang ada sekian macam ni, kenapa kat Johor tak ada. Saya suka bertanya. perbezaan tak adil. Kita pun nak adillah, cara, management. Macam mana orang asli nak maju .... ( FGD ... Perkampungan Orang Asli,Peta, 16 April 2023)*

*..... Saya boleh compare lah sebab management Jakoa Johor dengan Pahang, saya tengok Pahang lebih better dari Johor, dia punya pendidikan orang asli. Saya, bini saya orang Pahang, saudara mara sebelah bini saya dia banyak belajar, cara diorang care hutan orang asli. Bukan kita nak condemn, tapi memang betul, realiti. Cara management. Lain lah, cara diorang urus bantuan ..... ( FGD ... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2022)*

## **Bencana alam**

Masyarakat Orang Asli Peta sering mengalami masalah banjir 2-3 kali setahun kerana kawasan mereka berhampiran dengan kawasan sungai Pahang Endau-Rompin. Masalah banjir menyebabkan banyak rumah

yang musnah, kehilangan harta benda, infrastuktur rosak dan bantuan sukar diperoleh dengan segera kerana jarak 76 kilometer dari jalan utama yang agak jauh seperti yang dinyatakan:

*.... Setiap tahun banjir. Dia musim banjir ni kan, kalau dulu 30 tahun sekali, tapi sekarang tak menentu. sebab pembalakan macam-macam, syarikat apa-apa. Macam Peta ni tak selamat di duduk. Sebab kampung Peta selalu dilanda banjir. Sejak bulan 12, bulan 1-3. Musim hujan tak ada pendapatan, ekopelancongan memang tutup lah .... ( FGD ... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2022)*

*.... Satu lagi masalah, kita orang punya bantuan daripada kerajaan, hari ni minta bantuan, esok petang baru dapat. peralatan lah, dewan lah. Maksudnya bekalan makanan tu kena tambah lagi. Bekalan awal banjir. Kita dah kasi, cuma tak cukup. Kena tambah lagi. Kita pernah telefon pejabat orang asli, minta bantuan, bantuan makanan dalam hutan. Dia kata "tak boleh tok sebab keadaan cuaca tak boleh" ... susah bagi kam i.... ( FGD ... Perkampungan Orang Asli, Peta, 16 April 2022)*

## Kesimpulan

Walaupun pelbagai pembangunan dilaksanakan di kawasan Taman Negara Endau-Rompin Hutan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri pelancongan negara, keadaan hidup komuniti Orang Asli Peta tidak banyak berubah. Sehubungan itu, walaupun konsep 17 matlamat pembangunan kelestarian telah diperkenalkan pada tahun 2015, namun mereka masih hidup dalam keadaan daif tanpa adanya jaminan sumber pendapatan yang tetap. Kesukaran mereka untuk mendapat pekerjaan yang stabil turut dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang masih rendah dan lokasi penempatan yang jauh dari bandar utama iaitu Mersing. Tambahan pula, sumber persekitaran yang semakin merosot akibat daripada perubahan yang berlaku ke atas persekitaran alam fizikal turut menyukarkan lagi kehidupan mereka pada masa kini. Usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membawa mereka keluar daripada belenggu kemiskinan seiring dengan arus pembangunan perdana pula didapati kurang berkesan.

Sebaliknya, perkembangan yang pesat dalam arus pembangunan telah menyebabkan mereka masih jauh ketinggalan di belakang berbanding masyarakat bukan peribumi dalam mencapai pembangunan mampan. Akibatnya wujud jurang sosioekonomi yang luas dan nyata antara Orang Asli Jahai dengan penduduk bukan peribumi di kawasan tersebut. Justeru, usaha daripada semua pihak yang terutamanya pihak JAKOA

dan badan-badan yang berkaitan didapati amat perlu bagi memperbaiki keadaan kehidupan Orang Asli di Peta agar dapat disesuaikan dengan budaya asal mereka. Oleh yang demikian, program pembangunan tanah perlu dilaksanakan semula dengan perancangan yang lebih teliti dan agresif.

## Rujukan

- Akta Orang Asli 1954; Akta 134; Seksyen 3 (a); Perkara 160 (2)*, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia (Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968), accessed 29 Oktober 2023, <https://www.forestry.gov.my/images/stories/pdf/Akta/Akta%20Orang%20Asli.pdf>.
- Hess, C. E. E., & Fenrich, E., "Socio-environmental conflicts on hydropower: The São Luiz do Tapajós project in Brazil" (2017) *Environmental Science & Policy*, 20-28.
- Nicholas, C., *The Orang Asli and The Contest for Resources: Indigenous, Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia* (Kuala Lumpur, Malaysia: Vinlin Press Sdn. Bhd, 2000), 126.
- Aiken, S. R., & Leigh, C. H., "Seeking Redress in the Courts: Indigenous Land Rights and Judicial Decisions in Malaysia" (2011) *Modern Asian Studies*, 825–875.
- Dobree, P. G. J., *Hujan Panas Bawa Bencana* (Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 110.
- Data Demografi*, Jabatan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2023, accessed 29 Oktober 2023, <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/taburan-etnik-orang-asli-mengikut-etnik-sub-etnik-mengikut-negeri/>; <https://www.jakoa.gov.my/umum/data-terbuka-sektor-awam/>.
- Égré, D., & Senécal, P., «Social impact assessments of large dams throughout the world: lessons learned over two decades» (2003) *Impact Assessment and Project Appraisal*, 215-224.
- Cooke, F. M., Nordensvard, J., Saat, G. B., Urban, F., & Siciliano, G., "The limits of social protection: the case of hydropower dams and indigenous peoples' land" (2017) *Asia & The Pacific Policy Studies*, 437-450.

- Green, D., & Raygorodetsky, G., "Indigenous knowledge of a changing climate" (2010) *Climatic Change Journal*, 239–242.
- Fui, L. H., "Economic advancement and poverty eradication among the aborigines' in Malaysia" (This is the original, unedited version of a paper submitted to the XII World Forestry Congress, Québec City, Canada. Retrieved from 2003), accessed 28 April 2024, [http://www.fao.org/docrep/article/wfc/xii/0175-a2.htm#P10\\_167](http://www.fao.org/docrep/article/wfc/xii/0175-a2.htm#P10_167).
- Gebara, M. F., "Tenure reforms in indigenous lands: decentralized forest management or illegalism?" (2018) *Current Opinion in Environmental Sustainability Journal*, 60-67.
- Harun, M. F. M., & Idris, N. A. H., *Pembangunan Masyarakat Orang Asli Dilema Kemiskinan dan Terpinggir* (Shah Alam, Malaysia: UPENA UiTM, 2009), *Asian People Journal*, 100-99.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kehidupan, Budaya & Pantang Larang Orang Asli* (Kuala Lumpur, Malaysia, 2005), accessed 28 April 2024, [https://search.library.uitm.edu.my/Record/wils\\_320194?sid](https://search.library.uitm.edu.my/Record/wils_320194?sid).
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jabatan Kemajuan Orang Asli* (2023), accessed 28 April 2024, <https://www.jakoa.gov.my>.
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Johansen, B. E., *Indigenous people and environmental issues: An encyclopedia* (California, CA: Greenwood Press, 2003), 16-25.
- Lee, K. E., Shahabudin, S. M., Mokhtar, M., Choy, Y. K., Goh, T. L., & Simon, N., "Sustainable water resources management and potential development of multi-purpose dam: the case of Malaysia" (2018) *Applied Ecology and Environmental Research*, 2323-2347.
- Manorom, K., Baird, I. G., & Shoemaker, B., "The World Bank, hydropower-based poverty alleviation and indigenous peoples: On-the-ground realities in the Xe Bang Fai river basin of Laos" (2017) *Forum for Development Studies*, 275-300.
- Mat Nor, H., *Tanah dan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Empat Buah Kampung Orang Asli di Daerah Batang Padang, Perak* (Bangi: Penerbit UKM, 1996), 45-55.

- Mat Nor, H., "Masyarakat Orang Asli dan Akta 134" in *Masyarakat Peribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan* (2022) *Asian People Journal*, 85-100.
- Nawan, I. N., *Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Jahai: Kajian Kes Mengenai Perubahan Sosial di RPS Air Banun* (Bangi: Penerbit UKM, 1993), 46-65.
- Wook, I., "Acknowledging Land Rights Of The Orang Asli: A Historical Perspective Of Laws In Peninsular Malaysia" (2017) *Iium Law Journal*, 93-120.
- Merriam, S.B., *Qualitative research and case study applications in education* (San Francisco: Jossey-Bass, 1998), 100-116, accessed 28 April 2024, <https://www.amazon.com/Qualitative-Research-Study-Applications-Education/dp/0787910090>.
- Omar, M., *Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan cabaran in Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*, ed. Ma'Rof Redzuan and Sarjit S. Gill. (Serdang: Penerbit UPM, 2008), 123-135.
- Omar, M., "Pembangunan dan impak demografi ke atas komuniti Jakun" in *Komuniti, pembangunan dan transformasi*, ed. Yahaya Ibrahim. (Bangi: Penerbit UKM, 2019), 45-67.
- Jamiran, M. N. S., & Wee, S. T., "Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Di Malaysia" (Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 755-761, accessed 28 April 2024, <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/394018>.
- Schebesta, P., *Among the Forest Dwarfs of Malaya* (London, England: Oxford University Press, 1928), 67-76.
- Rancangan Malaysia ke 10, 2011-2015 (RMKe-10) Kementerian Ekonomi Malaysia; Bab 3-Memperkukuhkan Inklusiviti ke arah Masyarakat Saksama 1-37*, accessed 28 Oct 2024, <https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/Bab%203.pdf>.
- M. F. M. Harun, & N. A. H. Idris, *Pembangunan Masyarakat Orang Asli Dilema Kemiskinan dan Terpinggir Shah Alam*, Malaysia, UPENA UiTM (2009) *Asian People Journal* 100- 99

- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kehidupan, Budaya & Pantang Larang Orang Asli.* Kuala Lumpur, Malaysia (2005) <[https://search.library.uitm.edu.my/Record/wils\\_320194?sid](https://search.library.uitm.edu.my/Record/wils_320194?sid)> accessed 28 April 2024
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jabatan Kemajuan Orang Asli* (2023) < <https://www.jakoa.gov.my>> accessed 28 April 2024
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Johansen, B. E. (2003). *Indigenous people and environmental issues: An encyclopedia.* California, CA (Greenwood Press, 2003) 16-25
- K. E., Lee, S. M., Shahabudin, M. Mokhtar, Y. K., Choy, T. L Goh, & N. Simon, Sustainable water resources management and potential development of multi-purpose dam: the case of Malaysia (2018) *Applied Ecology and Environmental Research* 2323-2347
- K. Manorom, I. G. Baird, & B. Shoemaker, The World Bank, hydropower-based poverty alleviation and indigenous peoples: On-the-ground realities in the Xe Bang Fai river basin of Laos (2017) *In Forum for Development Studies* 275-300
- H. Mat Nor, *Tanah dan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Empat Buah Kampung Orang Asli di Daerah Batang Padang, Perak.* (Bangi, Penerbit UKM 1996) 45-55
- H. Mat Nor, Masyarakat Orang Asli dan Akta 134. Dlm Masyarakat Peribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan (2022) *Asian People Journal* 85-100
- I. N. Nawan, *Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Jahai: Kajian Kes Mengenai Perubahan Sosial di RPS Air Banun* (Bangi, Penerbit UKM, 1993) 46-65
- Izawati Wook, Acknowledging Land Rights Of The Orang Asli: A Historical Perspective Of Laws In Peninsular Malaysia (2017) *Iium Law Journal* 93-120
- Merriem, S.B. *Qualitative research and case study applications in education,* San Francisco, Jossey-Bass (1998) 100-116 <<https://www.amazon.com/Qualitative-Research-Study-Applications-Education/dp/0787910090>> accessed 28 April 2024



- M. Omar, *Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan cabaran*. Dalam *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*, ed. Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill. (Serdang, Penerbit UPM, 2008) 123-135
- M. Omar, *Pembangunan dan impak demografi ke atas komuniti Jakun*. Dalam *Komuniti, pembagunan dan transformasi*, ed. Yahaya Ibrahim. (Bangi, Penerbit UKM, 2019) 45-67
- Mohd Nur Syufaat Bin Jamiran & Seow Ta Wee, *Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Di Malaysia (Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015)* 755-761 < <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/394018> > accessed 28 April 2024
- P. Schebesta, *Among the Forest Dwarfs of Malaya*. London, England, (Oxford University Press 1928) 67-76
- Rancangan Malaysia ke 10, 2011-2015 (RMKe-10) Kementerian Ekonomi Malaysia; Bab 3-Memperkukuhkan Inklusiviti ke arah Masyarakat Saksama 1-37 > <https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/Bab%203.pdf> > accessed 28 Oct 2024
- Rancangan Malaysia ke 4, 1982-1985 (RMK3-4)*; Kementerian Ekonomi Malaysia: Bab Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli (1981-1985), 193-392, accessed 28 Oct 2024, <https://www.ekonomi.gov.my/ms/pembangunanekonomi/rancanganpembangunan/rmk/rancangan-malaysia-keempat-rmke-4-1981-1985>.
- Salleh, H., *Dunia Peribumi dan Alam Sekitar: Langkah ke Hadapan* (Bangi: Penerbit UKM, 1995).
- Awang, S. N., Fadzil, K. S., Edo, J., Zainol, R., & Mustafa, F. B., *50 tahun berlalu ke mana Jahai dan Temiar di hutan hujan Belum Temenggor. Perancangan dan Pembangunan Komuniti* (Sintok: Penerbit UUM, 2012).
- Sintang, S., "Penganutan Agama Islam dan Kristian 1, Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah" (2013) *Jurnal Usuluddin*, 59-80.
- Walker, R., & Simmons, C., "Endangered Amazon: an indigenous tribe fights back against hydropower development in the Tapajós Valley" (2018) *Environment, Science and Policy for Sustainable Development*, 4-15.

Abidin, Z., *Impak Pewartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor* (Bangi: Penerbit UKM, 2006).

Mohd, Z., Maliki, H., & Hussin, H., "Hak Dan Isu Berkaitan Dengan Orang Asli" in *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2013, 1-48.

Emby, Z., Redzuan, M., Basri, G., & Hamid, A.H., *Rancangan Pengumpulan Semula: Kesannya ke atas masyarakat dan budaya Orang Asli di Perak Selangor, Malaysia* (Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1996), 121.